

19 APR 1998

Karnival-Udara

KARNIVAL PERKENAL LANGKAWI SEBAGAI PUSAT KEGIATAN PENERBANGAN

LANGKAWI, 19 April (Bernama) -- Karnival Udara Langkawi '98 yang akan diadakan pada 3 Disember depan dijangka dapat memperkenalkan pulau lagenda ini sebagai pusat pameran perdagangan dan kegiatan sukan berkaitan bidang penerbangan di rantau ini.

Timbalan Presiden Kelab Rekreasi Udara Langkawi, Mansor Ismail hari ini berkata acara terbesar itu, selain Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) yang diadakan setiap dua tahun itu, juga akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di Padang Matsirat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan karnival empat hari itu yang berkonsepkan pertunjukan udara Experimental Aircraft Association (EAA) yang diadakan setiap tahun di Oshkosh, Wisconsin, Amerika Syarikat.

Melalui acara ini, peminat sukan penerbangan tanah air bagi microlite, rotocraft dan lain-lain acara berpeluang menghadiri simposium bersama peminat sukan dari luar negara.

Menurutnya, selain dapat berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat sesama peserta, simposium itu diharap dapat mempromosi sukan itu untuk generasi akan datang.

Pelbagai acara menarik seperti pertunjukan udara, pameran statik, pameran perdagangan, seminar dan bengkel, serta aktiviti dalam dan luar bilik turut diadakan sempena karnival itu.

Kira-kira 60 pesawat ringan akan mengadakan pertunjukan udara dan 20 pesawat ringan juga akan ditempatkan di kawasan letak kereta untuk pameran statik, katanya.

Satu khemah perdagangan berukuran 20 meter lebar dan 80 meter panjang akan disediakan untuk menempatkan 60 ruang pameran bagi pelbagai produk dan perkhidmatan berkaitan industri itu oleh syarikat dalam dan luar negara.

Seminar dua hari juga akan diadakan untuk menampilkan topik berhubung industri itu. Ia akan dikelolakan oleh agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan.

Mansor berkata, bagi kegiatan dalam dan luar bilik, pelbagai aktiviti bercorak pendidikan akan diadakan untuk kanak-kanak dan dewasa untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai sukan itu.

Katanya pengusaha syarikat berkaitan industri dan sukan penerbangan tempatan dan luar negara termasuk Australia, New Zealand, Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong, China dan Asia Tenggara akan dijemput untuk menyertai pertunjukan itu.

-- BERNAMA

NH RHM